

Guan Eng diminta henti salahkan Kerajaan Pusat

Nibong Tebal: Ketua Menteri, Lim Guan Eng diminta berhenti menuding jari ke arah Kerajaan Pusat setiap kali berlaku banjir kilat di Pulau Pinang.

Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya, berkata banjir kilat di negeri itu tidak akan selesai jika punca sebenar bencana berkenaan tidak diatasi segera kerajaan DAP Pulau Pinang.

Katanya, kerajaan negeri harus melihat kembali semua perancangan pembangunan yang mahu dilaksanakan terutama membabitkan kegiatan meratakan bukit dan menanam laut.

“Jangan hanya tuding jari ke arah



Shabudin Yahaya

Kerajaan Pusat, sebaliknya lihat semula apa punca banjir kilat semakin kerap berlaku terutama di bahagian pulau, sejak lapan tahun kebelakangan ini.

“Guan Eng asyik salahkan Kerajaan Pusat yang kononnya tidak laksanakan tebatan banjir menyebabkan banjir kilat kerap berlaku, tetapi dia tidak pula sebut mengenai isu bukit gondol, pembangunan tidak terkawal di lereng bukit dan pencerobohan hutan,” katanya pada sidang media selepas Majlis Konvokesyen PERDA-TECH Kali Kelapan di sini, semalam.

Banjir kilat didapati semakin kerap berlaku di negeri ini apabila ada

kawasan yang tidak pernah berlaku banjir turut mengalami nasib sama sehingga menimbulkan kemarahan orang ramai. Mereka menyalahkan kegiatan penerokaan hutan tidak terkawal sebagai punca masalah.

Antara kawasan paling kerap dilanda bencana itu ialah Bayan Baru, Bayan Lepas, Relau dan Paya Terubong, dipercayai akibat kegagalan sistem pengaliran menampung jumlah air susulan kerja pembinaan projek komersial berdekatan yang padat.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, Datuk Shah Headan Ayoob Hussain Shah, mencadangkan kera-

jaan negeri membina saluran khas dari Sungai Kelian yang menyalurkan air ke laut, ke Empangan Teluk Bahang.

“Sungai Kelian adalah sungai utama yang mengalirkan air ketika hujan lebat di kawasan ini. Sepatutnya kita boleh memanfaatkan jumlah hujan yang banyak itu dengan mengalirkannya ke Empangan Teluk Bahang.

“Sekiranya ia dapat dilakukan, penduduk bakal menerima manfaat baharu dan kerajaan boleh menganjurkan sukan pesta air di kawasan tasik empangan,” katanya ketika ditemui pada Program 1Malaysia Green 1Malaysia Clean (1MG1MC).